

4 JAN 1996

CADANGAN PELARASAN GAJI KAKITANGAN AWAM SUDAH DITELITI JPA

MUAR, 4 Jan (Bernama) -- Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah selesai meneliti kajian terakhir terhadap cadangan Cuepacs, yang dikemukakan baru-baru ini, mengenai formula pengagihan pelarasan gaji kakitangan awam.

Sehubungan itu JPA akan mengadakan perjumpaan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak lama lagi untuk memberikan taklimat terakhir, kata Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Alek, hari ini.

"Saya juga akan diberikan taklimat mengenai perkara itu kerana kita mahu ia diselesaikan secepat mungkin," katanya kepada pemberita selepas melawat Kilang Thomson Audio Muar Sdn Bhd, di kawasan perindustrian Tanjung Agas di sini.

Lim berkata beliau telah dimaklumkan bahawa JPA selesai mengkaji cadangan itu semalam.

Menurutnya kerajaan sedang berusaha untuk memastikan masalah pelarasan gaji kakitangan awam itu yang berjumlah RM2,100 juta dapat diselesaikan secepat mungkin.

Ketika ditanya sama ada pelarasan itu dapat dibayar sebelum Tahun Baru Cina dan Hari Raya Puasa, Lim berkata: "Kita sedang berusaha." -- BERNAMA